

Headline **Md Isa kecewa ada orang putar belit kematian ibu**  
Date **28 Oct 2009**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **16**  
Article Size **116 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **1,582**  
PRValue **4,745**



## Md Isa kecewa ada orang putar belit kematian ibu

**K**ANGAR: Menteri Besar, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu, kecewa dengan perbuatan seorang individu dipercayai dari Indonesia yang memutar belit laporan berhubung kematian ibunya, Mahasa Jusoh, kononnya disebabkan penyakit HIV dan Aids.

Katanya, beliau percaya laporan itu bertujuan memburukkan peribadi serta mencemarkan imejnya sebagai Menteri Besar dengan menjadikan arwah ibunya yang meninggal dunia pada 21 September lalu sebagai mangsa.

"Selepas membaca laporan itu petang semalam (kelmarin), saya terkejut, sedih dan kecewa apabila arwah ibu menjadi mangsa fitnah mereka yang tidak bertanggungjawab dan ia bertujuan memburukkan imej saya.

"Saya terpaksa membuat laporan polis untuk membersihkan nama arwah ibu yang kematiannya dikaitkan dengan penyakit HIV dan Aids seperti dilaporkan individu itu dalam laman sembang di internet," katanya ketika ditemui di sini, petang kelmarin.

Beliau berharap, polis menjalankan siasatan, termasuk mengenal pasti punca laporan itu disiarkan serta mengambil tindakan terhadap individu berkenaan.

Laporan itu disiarkan pemilik

laman sembang *Facebook* dikenali sebagai Benny Mice yang memutar-belit laporan *Bernama* dengan menyatakan Mahasa, 86, meninggal dunia disebabkan penyakit HIV dan Aids.

Mice dikesan menyiarkan semula berita kematian Mahasa tetapi dengan meminda perkataan "sakit tua" kepada "AIDS/HIV".

Sejak disiarkan pada 21 Oktober lalu, laporan itu mengundang maklum balas negatif daripada berpuluh-puluh pelayar *Facebook*, terutama di Indonesia.

Mengulas lanjut, Md Isa berkata, pihak berkenaan diminta merujuk Jabatan Kesihatan Perlis berhubung punca kematian ibunya yang meninggal dunia di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di sini, kerana sakit tua.

Sementara itu, Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Perlis, Azali Abas membuat laporan di Balai Polis Kangar, di sini, semalam, berhubung laporan negatif itu.

Azali yang ditemani pegawai kanan pejabat Menteri Besar Perlis serta kepimpinan Umno negeri berharap polis dapat mengesan mereka yang bertanggungjawab memulakan fitnah itu serta membersihkan imej Md Isa.